

YAYASAN PELAJARAN PERTUBUHAN PELADANG MADA

285 & 286, Jalan Shahab I, Shahab Perdana,
Lebuhraya Sultanah Bahiyah, 05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman.
Tel / Fax : 04 - 7321379 & 04 - 7321380

ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG

KRITERIA PEMILIHAN

a) Kategori PT3 –

- i) Calon yang mendapat sekurang-kurangnya **8 gred 'A'** dalam matapelajaran yang diambil, dipilih sebagai penerima Anugerah Pelajar Cemerlang YPPPM.
- ii) Untuk Pemegang Biasiswa Kecil YPPPM, mendapat sekurang-kurangnya **7 gred 'A'** dalam matapelajaran yang diambil, dipilih sebagai penerima Anugerah Pelajar Cemerlang YPPPM.
- iii) Nilai hadiah untuk Kategori PT3 ialah **RM100.00/orang**.

b) Kategori SPM –

- i) Mendapat sekurang-kurangnya **8 gred 'A'** dalam matapelajaran yang diambil dipilih sebagai penerima Anugerah Pelajar Cemerlang YPPPM.
- ii) Nilai hadiah untuk Kategori SPM ialah **RM200.00/orang**.

c) Kategori STPM/STAM –

- i) Mendapat sekurang-kurangnya **2 gred 'A'** dalam matapelajaran yang diambil serta mendapat **Malaysia Universiti English Test (MUET) – Band 3**, dipilih sebagai penerima Anugerah Pelajar Cemerlang YPPPM.
- ii) Nilai hadiah untuk Kategori STPM/STAM ialah **RM300.00/orang**.

GARIS PANDUAN PEMILIHAN PENERIMA ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG YPPPM.

1. Syarat-syarat Kelayakan.

- a) Terbuka kepada semua ahli dan anak-anak ahli PPK MADA sahaja.
- b) Sedang menuntut di **Sekolah Menengah Harian Bantuan Penuh Kerajaan** di Negeri Kedah dan Perlis dalam kawasan kendalian MADA sahaja kecuali Pemegang Biasiswa Kecil YPPPM.
- c) Pelajar dari **Sekolah Berasrama Penuh tidak layak memohon** kecuali Pemegang Biasiswa Kecil YPPPM.
- d) Pelajar yang layak memohon ialah mereka yang **tidak mengulangi** satu-satu Peperiksaan (PT3, SPM atau STPM/STAM).
- e) Bapa atau Ibu mestilah menjadi **ahli PPK MADA yang sah**.

2. Syarat-syarat Penerimaan Borang Permohonan.

- a) Salinan keputusan **PT3, SPM dan STPM/STAM beserta MUET** yang telah disahkan oleh Pengetua sewaktu pemohon menuntut di Tingkatan 3, 5 atau 6 mestilah disertakan bersama.
- b) Borang-borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan sempurna, pastikan :
 - i) Bahagian I - disahkan oleh Pengetua.
 - ii) Bahagian II - lengkap diisi oleh Bapa/Ibu pemohon dan diakui (tandatangan).
- Disahkan oleh Pengurus PPK MADA.
- c) Borang-borang Permohonan lengkap diisi.

3. Kriteria Pemilihan Berdasarkan Kepada :

- a) 'Jadual Kriteria Pemarkahan Anugerah Pelajar Cemerlang'.
- b) Peserta yang mendapat **bilangan 'A'** terbanyak dalam matapelajaran yang diambil.

4. Lain-lain Kriteria.

Jika terdapat persamaan dalam keputusan peperiksaan, kriteria keahlian bapa/ibu dan penglibatan peserta dalam ko-kurikulum akan diambil kira berdasar turutan keutamaan seperti dibawah :

a.	Lama jadi ahli
b.	Jumlah/nilai saham
c.	Aktiviti Ko-Kurikulum
d.	Pemilihan Mesyuarat Lembaga Pengarah YPPPM

5. Penolakan Borang Permohonan.

- a) Bukan anak ahli PPK MADA.
- b) Tidak memenuhi kriteria pemilihan.
- c) Borang yang tidak lengkap diisi.
- d) Borang yang diisi meragukan.
- e) Keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah YPPPM.